

# UMP cipta aplikasi bantu pelajar hafal al-Quran

[FOTO SHAHRINNAHAR LATIF/BH]

➔ Huffaz-M tingkatkan proses hafazan untuk tiga kaedah

Oleh Amin Ridzuan Ishak  
aminridzuan@bh.com.my

► Pekan

**S**ekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya, membangunkan sebuah aplikasi telefon pintar dikenali Huffaz-M, bagi membantu pelajar pusat dan maahad tahfiz untuk menghafal al-Quran.

Kumpulan diketuai Ketua Program Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan UMP, Dr Rashidi Abbas disertai beberapa penyelidik lain dan dibantu pensyarah dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UMP.

Rashidi berkata, idea membangunkan aplikasi itu timbul bagi membantu tiga anaknya berusia antara 13 hingga 17 tahun, yang sedang mengikuti pengajian di Maahad Tahfiz Al Hussainiyah,

Bukit Rang dan Pusat Tahfiz Sungai Badak, kedua-duanya di Jerantut.

Katanya, beliau juga menghasilkan aplikasi berkenaan bagi membantu pusat dan maahad tahfiz menggabungkan penggunaan teknologi supaya tidak bergantung kepada kaedah tradisional semata-mata.

"Aplikasi Huffaz-M ini bagi meningkatkan proses hafazan secara berkesan untuk tiga kaedah iaitu hafazan baharu (dars jadid), mengekalkan hafazan lepas (sabiq) dan mengulang-ulang bacaan (taqirir/murajaah).

### Peratusan dapat sijil rendah

"Kegagalan huffaz menguasai ketiga-tiga sistem ini mengakibatkan mereka tidak dapat menghafaz al-Quran pada tahap maksimum, peratusan tahfiz mendapat Sijil Tahfiz Malaysia masih rendah walaupun ramai mendudukinya," kata-



Rashidi menunjukkan kit panduan hafazan, Huffaz-M ketika ditemui di UMP.

BERITA HARIAN (INOVASI) 7 DEC 2016 m/s.3

nya ketika ditemui BH di Fakulti Pusat Bahasa dan Sains Kemanusiaan UMP Kampus Pekan di sini.

Mengulas lanjut, Rashidi berkata, beliau memulakan penyelidikan pada Disember 2014 sehingga Januari lalu dan pada masa ini aplikasi berkenaan sudah boleh dimuat turun menerusi Google Store.

Katanya, masih ada penambahbaikan, terutama dari segi kandungannya sedang dijalankan.

"Ketika ini hanya ada dua surah iaitu Al-Mulk dan Al-Waqiah, ia dalam proses untuk dibangunkan lagi dan selain itu ada juga kit panduan hafazan yang mempunyai cakera padat (CD) serta buku rujukan.

"Penggunaan aplikasi berkenaan amat mudah dan hanya perlu memilih ayat belum dihafal yang bermakna pelajar boleh fokus mendengar ayat belum dapat dikuasai dan tidak perlu mendengar keseluruhannya," katanya.



Aplikasi Huffaz-M dalam telefon bimbit.